

09 JAN 1998

Mahathir-Bantuan

KERAJAAN SEDIA TERIMA BANTUAN RAKYAT, TAPI TIDAK MEMAKSA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan yang kerajaan bersedia menerima sumbangan material dan kewangan daripada rakyat sebagai tabungan rakyat dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi semasa, tetapi mereka tidak dipaksa berbuat demikian.

"Tak patutlah beban ini dipikul semata-mata oleh kakitangan kerajaan. Orang ramai juga setakat yang mampu patutlah memberi pertolongan tapi saya nak jelaskan, kerajaan ini tidak akan paksa sesiapa," kata Perdana Menteri pada wawancara khas "Pengguna dan Ekonomi" dalam program siaran langsung Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas cadangan yang dikemukakan oleh seorang penonton melalui E-mail, supaya potongan gaji RM10 sebulan dilakukan terhadap semua pekerja swasta dan awam sebagai menunjukkan sokongan rakyat kepada negara dalam menghadapi masalah ekonomi.

"Saya berpendapat bahawa ini adalah cara yang baik. Kita tidak hendak paksa sesiapa tetapi kalau kita rasa bertanggungjawab terhadap negara kita, terhadap pemulihan ekonomi negara kita, inilah satu cara yang baik," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan cara itu, negara akan mempunyai satu tabung yang cukup besar bagi membantu pemulihan ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata cadangan sedemikian adalah seperti yang dilakukan oleh rakyat Korea Selatan baru-baru ini yang telah menderma kira-kira 10 tan barangan kemas perhiasan sebagai membantu kerajaannya memulihkan ekonomi negara.

Rakyat Korea juga akan memberi matawang asing dalam simpanan mereka kepada tabung berkenaan, katanya.

"Jadi ini adalah cadangan yang baik, kerajaan tidak hendak memaksa sesiapa tetapi sepertimana yang kita tahu, kita sudah potong gaji termasuklah pegawai tinggi kerajaan yang sudah dipotong (gaji) tiga peratus...itu sudah lebih dari RM10," katanya.

Pada masa ini, kerajaan telah bertindak memotong elaun khidmat awam dan imbuhan tetap kerajaan sekitar 10 peratus kira-kira 80,000 pegawai kanan dan pegawai kerajaan dalam langkah mengurangkan perbelanjaan awam.

Ketika ditanya mengenai peranan surirumah dan golongan ibu dalam membantu negara sekarang, Dr Mahathir mengingatkan mereka supaya mengawal perbelanjaan keluarga masing-masing.

Perdana Menteri berkata golongan itu perlu berjimat-cermat dalam perbelanjaan harian keluarga termasuklah dengan membuat pembelian barangan keperluan harian daripada kalangan buatan tempatan.

Dr Mahathir berkata, ibu bapa juga perlu memupuk tabiat menabung kepada anak-anak dan pengurusan wang yang baik bagi membolehkan mereka berbelanja dengan berhemat.

Katanya bumiputera umpamanya kini sudah pandai mengurus wang dan menjadi kaya "tetapi anak-anak mereka hidup secara terlalu mewah, tidak cekap mengurus wang dan apabila mereka besar nanti mereka tidak akan secepat mengurus seperti ibu bapa mereka," katanya.

Dalam program televisyen selama 90 minit itu, Perdana Menteri turut menasihati ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang kini belajar di luar negara supaya berhati-hati apabila mengambil keputusan sama ada untuk meneruskan pengajian anak mereka di seberang laut.

Katanya, berikutan penurunan nilai ringgit berbanding matawang asing seperti dollar US dan pound sterling, ibu bapa yang mahu membawa anak-anak

mereka pulang perlu memastikan mereka mempunyai tempat untuk meneruskan pembelajaran di pusat pengajian tempatan.

Kalau ada dua orang anak belajar di luar negara, seorang dalam tahun akhir dan seorang lagi baru dalam tahun pertama pengajian, mungkin yang perlu dibawa balik ialah yang baru memulakan pengajian, katanya. -- BERNAMA

RAZ NMO